

14

Forum mengenai silat

28 JUL 1979

petang esok

perencah silat
JABATAN Budaya dan Pelajaran Perwanit akan menganjurkan forum mengenai 'silat' pada 3.00 petang Ahad ini di Dewan Jamiyah, Lorong 12, Geylang.

Anggota-anggota panel untuk forum terdiri ini dari wakil-wakil Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu (MP), Asas 50, Persisi dan seorang guru silat di sini. Semua dipersilakan hadir.

Forum silat ditangguh

perencah silat
FORUM 'silat' anjuran Perwanit di Dewan Jamiyah, Lorong 12 Geylang, mulai 3 petang ini telah ditangguhkan. Tarikh lain masih belum ditetapkan.

29 JUL 1979

Perpensis jual kuih2 Hari Raya

2 AUG 1979

PERSATUAN Islam dan Pencak Silat Singapura (Perpensis) menawarkan penjualan beberapa jenis kuih-muih untuk Hari Raya dan mereka yang ingin membelinya boleh mendapatkan borang tempahan mulai sekarang.

Segala tempahan hendaklah dihantar kepada jawatankuasa Perpensis tidak lewat dari 10 Ogos.

Kuih-muih yang ditawarkan terdiri dari biskut yasin berharga \$8 bagi 100 keping, biskut capati \$8 bagi 100 keping, kuih tat \$12 bagi 100 keping dan kacang Indonesia berharga \$3 sepaun.

Keuntungan dari penjualan ini akan didermakan kepada persatuan tersebut dan tempahan boleh dibuat dengan mengisi borang ataupun telefon 494212 dari 2.00 hingga 5.00 petang dan 8.00 hingga 9.00 malam.

Kumpul wang tanpa s-guna usaha2 amal

- 7 AUG 1979

perencah silat
ANGGOTA Parlimen Kolam Ayer, Encik Sidek Saniff berkata bahawa pihak-pihak berkenaan tidak perlu menyalahgunakan usaha-usaha amal, demi untuk mencapai matlamat untuk mengumpulkan wang.

Ini terbukti, katanya, bila ekspo perdagangan anjuran bersama Persatuan Sepaktakraw Singapura (Perses) dan Persatuan Silat Singapura (Persisi), berjaya mengumpulkan kira-kira \$50,000 melalui projek yang berjalan lebih sebulan itu.

Anggota Parlimen itu yang juga menjadi Naib Timbalan Persisi menjelaskan:

Matlamat

"Dengan menohjolkan kegiatan budaya tradisional tanpa joget moden, kami telah berjaya mengumpulkan wang sebanyak itu.

"Ini menunjukkan bahawa masyarakat sedar akan apa yang dijalankan itu ialah untuk amal dan ia tidak perlu disalahgunakan untuk mencapai matlamatnya."

Dia menjelaskan selanjutnya bahawa kejayaan ekspo itu dicapai ekoran dari kegiatan-kegiatan kebudayaan tradisi yang dianjurkan di dalamnya, ditambah pula dengan sambutan oleh masyarakat umum dan para pemilik gerai di sana.

Semua itu, katanya lagi, telah mendapat sambutan yang baik dari para pengunjung ekspo yang berlangsung di simpang antara Sims Avenue dengan Eunos Road 5 itu.

Kejayaan yang dicapai adalah baik sehingga, tambahnya, ekoran dari demonstrasi gasing itu, terbentuk sebuah jawatankuasa sementara Federasi Gasing Singapura (Sedegasi).

Ekspo tersebut juga, tambah Encik Sidek, telah menampakkan bagaimana masyarakat dari lain kaum yang datang ke sana, telah sama-sama menunjukkan sikap toleransi mereka terhadap agama.

Ini terbukti bila mereka bersedia mematuhi permintaan pihak penganjur agar persembahan pertunjukan seni budaya yang dirancangan, dimulakan agak lewat sedikit demi menghormati orang-orang Islam yang menunaikan fardhu Isyak di masjid yang berdekatan dengan tapak ekspo itu.